

04 DEC 1998

Mohtar-Saman

PEGUAM NEGARA FAIL PERMOHONAN UNTUK KETEPIKAN SAMAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Jabatan Peguam Negara telah memfailkan satu saman balas meminta mahkamah mengetepikan saman yang difail bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mencabar pemecatannya daripada Kabinet.

Pegawai Khas kepada Peguam Negara, Shamsuddin Hassan, dalam satu kenyataan hari ini berkata "Saman Dalam Kamar" itu difailkan Selasa lepas mengikut Aturan 18 Kaedah 19(1)(a),(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Menurutnya, permohonan bagi mengetepikan saman Anwar itu dibuat kerana ianya tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta suatu penyalahan proses mahkamah.

Katanya, alasan-alasan bagi permohonan itu terkandung dalam affidavit Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali dan Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Agong Haji Ja'apar Wahab, yang difail bagi menyokong saman berkenaan.

Affidavit berkenaan menyebut antara lain bahawa pelucutan kedua-dua jawatan Anwar itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka telah membuat perintah agar memotong nama Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan menggantikan namanya sebagai Menteri Kewangan dengan nama Dr Mahathir.

Shamsuddin berkata permohonan itu akan didengar pada 25 Jan depan.

Pada 13 Nov lepas, Anwar, yang juga Menteri Kewangan sebelum dilucut daripada kedua-dua jawatannya itu pada 2 Sept lepas, telah memfailkan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia dan mencabar pemecatannya dari Kabinet.

Dalam samannya yang difailkan menerusi Tetuan Karpal Singh and Company, Anwar memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya daripada kedua-dua jawatan itu adalah tidak mengikut perlembagaan.

Beliau juga meminta pengisytiharan bahawa beliau masih menteri dalam Kabinet selain menuntut kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai serta wajar oleh mahkamah.

-- BERNAMA

RA NMO